

Lot 363 Taman Perdana,
Jalan Cempaka 1/3A,
81000 Kulai,
Johor.
26 Oktober 2022.

Menemui sahabatku Anna Jobling yang sentiasa dirindui. Semoga saudara dan anak-anak yang berada di jauh Scotland sentiasa dalam lindungan-Nya. Saya di sini berada dalam keadaan sihat sejahtera.

Anna,
Terima kasih atas surat yang saudara kirimkan pada bulan lalu. Seronok rasanya apabila saya membaca coretan saudara tentang kehidupan bersama dengan keluarga di sana. Saudari menyatakan kerinduan terhadap keluarga besar di Malaysia. Saya pasti bahawa mereka turut merindui saudara dan anak-anak seperti kata orang tua-tua, jauh di mata, dekat di hati. Kami baru sahaja selesai meraikan bulan kemerdekaan tanah air baru-baru ini dan sambutannya sangat meriah. Saudari menyatakan rasa cemburu kerana tidak dapat berada di Malaysia bagi menyaksikan sendiri bahang kehangatan 31 Ogos dan 16 September lalu. Saya berbesar hati apabila saudara meminta pendapat saya tentang cara memantapkan semangat patriotik dalam diri anak-anak saudara yang membesar di sana.

Cara yang paling efisien untuk menyemai semangat patriotisme dalam diri anak-anak yang membesar jauh di perantauan adalah dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi utama di rumah. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa jiwa bangsa. Untuk permulaan, saudara boleh menggunakan sekurang-kurangnya perkataan-perkataan asas seperti 'selamat pagi', 'selamat jalan' dan 'selamat malam' terlebih dahulu kepada anak-anak. Tambahlah lebih banyak kosa kata bahasa Melayu hari demi hari. Dengan cara ini, mereka akan mula terbiasa dan mengamalkannya. Hasilnya, rasa cinta akan Malaysia akan perlahan-lahan terbit dalam hati mereka.

Saudari,
Saudari juga boleh membuat dekorasi sempena bulan kemerdekaan di rumah saudara setiap kali bulan Ogos tiba. Oleh sebab rumah yang menarik akan memberikan unsur kemeriahan, pastinya anak-anak akan teruja. Oleh itu, ajaklah anak-anak saudara menghias rumah setiap kali menjelang bulan kemerdekaan Malaysia tamsilnya dengan menggantung bendera Malaysia dan meletakkan aksesori berunsurkan kenegaraan di rumah. Kesannya, bukan sahaja semangat patriotik akan tersemai, sementelahan mereka juga boleh berkongsi kemeriahan bulan tersebut kepada rakan-rakan tempatan.

Sebagai penghias warkah yang terakhir, saudara juga boleh menonton filem-filem yang bertemakan patriotisme bersama dengan anak-anak pada masa lapang. Hal ini disebabkan oleh penyampaian sesuatu mesej melalui bahan tayangan adalah jauh lebih berkesan daripada lisan semata-mata. Oleh itu, saudara bolehlah mengajak anak-anak menonton filem seperti Mat Kilau dan Leftenan Adnan. Dengan cara ini, anak-anak bukan sahaja akan menghargai perjuangan tokoh-tokoh terdahulu, justeru mereka juga akan memahami sejarah negara dengan lebih jelas. Hasilnya, semangat patriotisme pasti akan menyala dengan maraknya.

Saudari, sampai di sini sahaja coretan saya untuk kali ini. Saya berharap agar cadangan-cadangan saya dapat memberikan jalan dan mampu membantu saudara menyemai semangat patriotik dalam diri anak-anak yang masih kecil. Benarlah kata lidah pendeta, melentur buluh biarlah dari rebungunya. Jaga diri baik-baik di sana. Semoga kita akan bertemu lagi dalam warkah akan datang. Jika saudara kembali ke tanah air, jangan lupa maklumkan kepada saya. Sekian. Terima kasih.

Sahabatmu,
Kirana Cinta

(457 patah perkataan)